



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

APAD SIASAT INSIDEN TREN LRT TERGELINCIR BERHAMPIRAN STESEN CHAN SOW LIN PADA 28 MEI 2026

KUALA LUMPUR, 29 Mei 2026 – Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) memandang serius insiden tren Transit Aliran Ringan (LRT) tergelincir landasan yang berlaku berhampiran Stesen Chan Sow Lin pagi semalam.

Sejurus selepas kejadian berlaku, APAD telah melaksanakan pemeriksaan tapak bagi menilai keadaan awal insiden serta memastikan tindakan segera diambil oleh pihak pengendali. Pemeriksaan tapak pertama telah diketuai oleh Ketua Pengarah APAD bersama wakil Bahagian Penguatkuasaan Rel serta Bahagian Perancangan Rel.

Sesi pemeriksaan tapak kedua pula telah diadakan pada jam 3.00 petang melibatkan wakil Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bagi meneliti perkembangan awal siasatan, tahap keselamatan operasi serta langkah-langkah susulan yang perlu dilaksanakan oleh pihak pengendali.

Selaras dengan arahan YB Menteri Pengangkutan, APAD telah membuka kertas siasatan serta-merta bagi menyiasat insiden ini secara menyeluruh. **Siasatan sedang dijalankan untuk mengenal pasti punca sebenar kejadian, termasuk meneliti aspek pematuhan prosedur operasi standard, penyelenggaraan aset, sistem keselamatan serta pengoperasian tren.**

APAD ingin menegaskan bahawa keselamatan pengguna, kebolehpercayaan sistem rel serta integriti perkhidmatan pengangkutan awam merupakan perkara yang tidak boleh dikompromikan dalam apa jua keadaan. APAD akan memastikan siasatan dijalankan secara bebas, telus, profesional dan menyeluruh serta segala tindakan sewajarnya diambil berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Justeru, pihak pengendali telah diarahkan untuk mengemukakan laporan lengkap berhubung insiden tersebut **secepat mungkin**. Laporan berkenaan akan diteliti secara terperinci sebelum proses temu siasat dan penelitian lanjut dilaksanakan oleh APAD bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kejadian serta menentukan sama ada wujud sebarang unsur ketidakpatuhan, kecuaiian atau pelanggaran syarat lesen pengendalian.

Sekiranya didapati berlaku pelanggaran syarat lesen oleh pihak pengendali, **tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah Seksyen 101 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715].**

Selain itu, **siasatan juga turut merangkumi aspek kecuaiian di bawah Seksyen 202 dan Seksyen 128 Akta 715, termasuk terhadap mana-mana individu yang didapati gagal melaksanakan tanggungjawab atau cuai semasa menjalankan tugas sehingga menjejaskan keselamatan operasi rel.**

APAD turut akan terus bekerjasama rapat dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia serta agensi-agensi berkaitan bagi memastikan tahap keselamatan dan keyakinan orang awam terhadap sistem pengangkutan awam rel sentiasa terpelihara.

###TAMAT###

Unit Komunikasi Korporat
Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)
29 Mei 2026

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)
 +603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mail ukk@apad.gov.my